

14 AUG 2001
Sukan-SEA (Vietnam)
VIETNAM SASAR TEMPAT KELIMA PADA SUKAN SEA KE-21

Oleh: Rozaini Ahmad

HANOI, 14 Ogos (Bernama) -- Vietnam telah meletakkan sasaran menduduki tempat kelima keseluruhan pada Sukan SEA ke-21 di Kuala Lumpur, bulan depan.

"Kami berharap memenangi seberapa banyak pingat yang boleh dan yakin ia akan diperolehi daripada acara menembak dan seni mempertahankan diri," kata Menteri Sukan Vietnam, Nguyen Danh Thai selepas upacara mengundang beliau dan rakyat Vietnam untuk menyaksikan sukan itu oleh Duta Khas Malaysia, Abdul Latiff Endot, di sini, malam tadi.

Turut hadir Duta Besar Malaysia di Vietnam, Datuk Zainal Abidin Zin.

Beliau berkata Vietnam begitu berminat dengan sukan ini dan akan menghantar 623 peserta dan pegawai untuk mengambil bahagian dalam 24 acara yang dipertandingkan.

Beliau memberitahu pasukan bola sepak lelaki kini mengikuti latihan intensif di Perancis manakala pasukan wanita di Australia.

Mengenai persiapan Vietnam sebagai tuan rumah Sukan SEA 2003, Thai berkata pihaknya akan membina kompleks sukan baru serta mengubahsuai stadium bola sepak dan gelanggang sukan yang lain.

Bagaimanapun, kata beliau, kesemua atlet dan pegawai pada temasya 2003 akan ditempatkan di beberapa hotel berhampiran stadium sukan dan tiada rancangan buat masa ini untuk membina perkampungan sukan.

"Kami bercadang menganjurkan 17 acara sukan di Hanoi manakala 15 acara lagi di bandaraya Ho Chi Minh," kata beliau.

Thai, yang akan berada di Malaysia pada perasmian Sukan SEA ke-21 berkata beliau berharap belajar seberapa banyak yang boleh daripada Malaysia dalam mengajur temasya 2003 di negaranya dan juga akan mengundang pakar-pakar dari Malaysia dan juga beberapa negara lain untuk membantu.

Sementara itu, Latiff berkata terdapat kerjasama erat antara Majlis Olimpik Malaysia dan Vietnam, dan Malaysia bersetuju membantu mereka dalam menganjur Sukan SEA 2003.

"Vietnam telah menyatakan minat untuk mempelajari cara kita menganjurkan Sukan SEA dan kita akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mereka," katanya.

Pengembaraan Persahabatan Rakan Muda Asean 2001 itu, yang masuk hari ke-10 lawatannya hari ini, akan berlepas ke Phnom Penh, Kemboja esok untuk menyerahkan undangan yang sama kepada kerajaan Kemboja dan rakyatnya untuk menyaksikan temasya Sukan SEA di Kuala Lumpur.

Selepas Kemboja, rombongan itu akan ke Bangkok, peringkat terakhir pengembaraan, untuk tujuan yang sama dan akan pulang ke Malaysia pada 22 Ogos.

Pengembaraan ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Julai lepas.

--BERNAMA

JAI ZS ZB